

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

**KAWASAN** : **KEPALA BATAS**

**TARIKH** : **1 APRIL 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN** : **27**

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status prestasi ekonomi kesemua 21 hab halal yang ada di Malaysia pada ketika ini. Apakah wujud keperluan melakukan *reconciliation* jumlah dalam masa terdekat ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global pada tahun 2020. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah menubuhkan Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC) pada 18 September 2006 untuk menerajui pembangunan industri halal secara komprehensif. Antara lain, HDC telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaraskan pembangunan taman-taman halal di Malaysia.

Sehingga kini terdapat 21 taman halal di seluruh Negara di mana 19 taman halal adalah di bawah seliaan agensi kerajaan pusat serta kerajaan negeri dan dua (2) taman halal adalah milik swasta. Setakat ini sebanyak 13 taman halal telah menerima status HALMAS dari HDC bagi melayakkan pengendali taman halal, peserta industri dan pengendali taman halal, peserta industri dan pengendali logistik menikmati insentif dan galakan cukai.

HDC memberi status HALMAS kepada pengusaha taman halal yang layak sebagai satu bentuk pengiktirafan kepada mereka yang telah berjaya mematuhi syarat-syarat dan garis panduan yang ditetapkan di bawah Peraturan dan Panduan Pembangunan Taman Halal. Ianya merupakan tanda kecemerlangan bagi taman halal yang mampu mengeluarkan produk halal yang berkualiti dan berintegriti tinggi.

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, sebanyak 130 syarikat telah beroperasi di taman-taman halal dengan jumlah pelaburan mencecah RM8.5 billion di mana RM2.6 billion (32%) merupakan pelaburan tempatan dan mewujudkan lebih daripada 5,500 peluang pekerjaan.

Antara peluang perniagaan yang terdapat di taman halal adalah dalam sector pemprosesan makanan, kosmetik dan penjagaan diri, ramuan, farmaseutikal serta ternakan. Selain daripada itu, terdapat juga peluang perniagaan dalam bidang-bidang lain yang berkaitan dengan sektor/industri yang menyokong rangkaian industri halal seperti perkhidmatan logistik dan perbankan Islam.

Memandangkan taman-taman halal yang sedia ada adalah di bawah seliaan agensi kerajaan pusat serta kerajaan negeri dan milik swasta, tidak wujud keperluan untuk melakukan *reconciliation* ke atas bilangan taman halal dalam masa terdekat. Jumlah taman halal yang sedia ada adalah mencukupi untuk menggalakkan pertumbuhan industri halal di Malaysia.